

Razma melihat rumah keluarganya yang musnah akibat tanah runtuh dalam kejadian di Taman Elok, Bukit Nenas, kelmarin.

(Foto ihsan pembaca)

2 kanak-kanak maut tertimbus tanah runtuh

Dua lagi mangsa selamat dalam kejadian ranapkan rumah keluarga

Oleh Juwan Riduan
bhnews@bh.com.my

Kota Kinabalu: Pilu ibu kehilangan anak tidak dapat disembunyikan, apatah lagi mengenang nasib anak kesayangan yang tertimbus dalam tanah runtuh yang meranapkan rumah mereka berhampiran Taman Elok, Bukit Nenas di sini, kelmarin.

Dalam tragedi kira-kira jam 8 malam, dua kanak-kanak meninggal dunia iaitu Norain Julaziz, 11, dan sepupunya, Isa Sabri, dua tahun.

Ibu Norain, Razma Botong, 36, berkata, dia tidak menyangka kehilangan anak bongsu itu yang sebelum ini tidak menunjukkan sebarang petanda bakal dijemput Allah SWT.

Beliau yang kebetulan pulang dari tempat kerja tergamam apabila melihat rumah keluarganya

ranap akibat tanah runtuh berkenaan.

"Ketika kejadian, semua anak saya berada di rumah ibu bapa dan saya tidak sangka berlaku runtuhan sebegitu kerana kejadian ini tidak pernah berlaku sepanjang kami tinggal di sini.

"Saya terus bergegas mencari anak saya dalam runtuhan dan Norain adalah yang terakhir ditemukan daripada empat mangsa tertimbus.

"Anak saudara yang masih bayi adalah orang pertama ditemui, disusuli ibu bapanya," katanya ketika ditemui di lokasi kejadian, semalam.

Meninggal di hospital

Razma berkata, Norain sempat dihantar ke Hospital Queen Elizabeth untuk mendapatkan rawatan, namun anaknya disahkan meninggal dunia ketika di hospital.

"Pengebumian akan diuruskan bapa saya dan setakat ini kami belum dapat pastikan di mana kedua-dua jenazah iaitu anak saya dan anak saudara saya akan dikebumikan," katanya.

Sementara itu, bapanya, Botong Jaafar, 57, berkata ketika kejadian mereka baru selesai makan

malam dan cucunya sedang bermain di ruang tamu rumah.

"Tiba-tiba, saya terdengar bunyi kuat dari luar sebelum menyedari berlaku runtuhan yang menghempap ruang tamu dan menyebabkan dua cucu saya tertimbus," katanya.

Botong berkata, usaha mencari empat ahli keluarga yang tertimbus segera dilakukan sebelum dua ditemui selamat dan dua lagi meninggal dunia.

Terdahulu, Jurucakap Pusat Gerakan Operasi (PGO) Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah berkata, pihaknya menerima panggilan mengenai kejadian itu jam 8.26 malam kelmarin.

Katanya, seramai 24 pegawai dan anggota dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Lintas dan Kota Kinabalu bersama jentera serta Unit Bantuan Perkhidmatan Kecemasan (EMRS) dikerah ke lokasi kejadian.

"Setibanya di lokasi kejadian mendapati tanah runtuh menghempap sebuah rumah yang didiami sembilan sekeluarga. Terdapat empat mangsa terbabit iaitu satu cedera di bahagian kaki manakala tiga lagi tertimbus," katanya dalam kenyataan media, semalam.